

18 MAY 2002

Najib-Pesawat

PESAWAT F/A-18E/F SUPER HORNET PUNYAI KEUPAYAAN TINGGI

LUMUT, 18 Mei (Bernama) -- Pesawat FA-18E/F Super Hornet yang ingin dibeli dari Amerika Syarikat mempunyai keupayaan yang tinggi dan antara yang terancang pada masa ini, kata Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak.

Katanya, pesawat ini 25 peratus lebih besar daripada F/A-18D Hornet yang sedia ada dan jika diperolehi, tentu akan memberi kuasa tempur yang kuat kepada Malaysia.

Najib berkata pesawat ini berkeupayaan menjalankan tiga fungsi utama iaitu udara ke udara, udara ke darat dan serangan maritim.

"Ini tiga peranan dalam kapal terbang...three-in-one. Kita juga akan membeli segala sistem persenjataan yang membolehkan kita menggunakan pesawat ini dalam tiga fungsi utama," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan perbarisan tamat latihan anggota rekrut Pasukan Simpanan Tentera Laut Diraja Malaysia (PSSTLDM) di pangkalan TLDM di sini hari ini.

Katanya, kerajaan sedang mengkaji daripada pelbagai sudut sebelum membuat keputusan mengenai pembelian itu, termasuk cadangan membelinya secara tukar beli dengan pesawat F/A-18D sebagaimana dinyatakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam.

Malaysia kini mempunyai lapan pesawat F/A-18D yang dimiliki sejak 1997.

Najib berkata cadangan itu perlu dikaji dari segi kos, aliran wang, pemindahan teknologi, tawaran komersil dan juga beberapa aspek teknikal.

"Saya ada diberi taklimat tertutup oleh pihak Tentera Laut Amerika Syarikat dan syarikat Boeing mengenai pesawat ini," kata Najib yang diberi taklimat itu di Amerika Syarikat sebelum lawatan Dr Mahathir ke sana.

Najib berkata walaupun kedua-dua pesawat Hornet dan Super Hornet mempunyai fungsi tiga-dalam-satu, Super Hornet mempunyai ruang lebih besar untuk membawa senjata lebih berat, termasuk peluru berpandu jarak sederhana seperti AMRAAM.

Katanya, pesawat F/A-18D masih mendapat permintaan tinggi dan beberapa negara telah menunjukkan minat untuk memperolehinya daripada AS.

Selain pesawat buatan AS, Tentera Udara Diraja Malaysia juga memiliki pesawat pejuang MiG-29N buatan Rusia dan Hawk buatan Britain.

-- BERNAMA

AR MOZ